

23/07/2000

Dr M hadir dialog esok

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan menghadiri sesi dialog bersama kira-kira 150 wakil wanita pelbagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO), esok.

Sesi dialog anjuran Jabatan Hal Ehwal Wanita (Hawa) itu akan diadakan di Jabatan Perdana Menteri, Putrajaya.

Selain membincangkan pelbagai perkara membabitkan isu wanita, sesi dialog itu turut memberi peluang kepada wakil wanita pelbagai pertubuhan mengemukakan cadangan yang boleh memanfaatkan wanita di negara ini.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Shahrizat Jalil, dijangka menghadiri majlis berkenaan.

Pada sesi itu, Perdana Menteri akan mengumumkan program Wanita 2000 sempena sambutan Hari Wanita 2000 pada 25 Ogos depan.

Program Wanita 2000 akan dimulakan dengan persidangan bagi merangka strategi dan cadangan untuk dimasukkan ke dalam Rancangan Malaysia Kelapan serta Rangka Rancangan Jangka Panjang.

Sebanyak 13 sesi perbincangan berasingan akan diadakan bagi menumpukan perhatian terhadap isu membabitkan wanita dan perkongsian kuasa dalam membuat keputusan dan dasar, wanita dan keluarga, wanita dan pendidikan serta latihan, wanita dan ekonomi.

Wanita dan agama, media, kebudayaan dan kesenian, undang-undang, sukan serta pembangunan institusi.

Acara kemuncak Wanita 2000 pada 25 hingga 27 Ogos dengan program diatur khas sebagai satu bentuk penghargaan terhadap wanita yang banyak menyumbang kepada pembangunan negara.

Bagi mereka yang berminat menyertai sesi dialog Wanita 2000 ini, boleh menghubungi Sekretariat Wanita menerusi talian 03-293 0401 atau 03-293 0095.

(END)